



## **Songkok gaya Tun kembali jadi pilihan**

**SONGKOK** jenama Gaya Tun yang dijual di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah kembali menjadi pilihan ramai apabila semakin laris menjelang sambutan Aidiifitri tahun ini.

Pemilik jenama tersebut, Sardi Sahar, 64. berkata, setakat ini, dia telah menjual sebanyak 200 songkok dan dijangka terus meningkat beberapa hari sebelum sambutan Aidiifitri.

Menurutnya, jualan songkok tersebut meningkat tinggi berbanding hanya mampu terjual cuma 20 songkok pada tahun lepas kerana pandemik Covid-19.

"Alhamdulillah, keadaan ekonomi menjadi semakin baik. Dua tahun berturut-turut sejak pandemik Covid-19 saya hanya mampu menjual

20 songkok gaya Tun, tetapi tahun ini sudah jual sebanyak 200 songkok.

"Pada kali ini saya menyediakan hingga 500 songkok untuk pelanggan di Pekan Rabu ini," katanya ketika ditemui di premisnya itu di sini semalam.

Menurut Sardi yang sudah berkecimpung dalam bidang pembuatan songkok selama 46 tahun, dia masih mengekalkan kualiti setiap songkok berkenaan termasuk menggunakan baldu yang diimport dari Korea.

■ **SARDI Sahar** menunjukkan songkok gaya Tun yang kembali menjadi pilihan ramai menjelang sambutan Aidiifitri di Kompleks Pekan Rabu Alor Setar, Kedah. - **UTUSAN/JAMLIAH ABDULLAH**